

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIOANAL

Rampas 329 produk kesihatan tak berdaftar

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) merampas 329 produk suplemen kesihatan tidak berdaftar yang dianggarkan bernilai RM295,000 menerusi serbuan ke sebuah premis perniagaan di Kajang, Selasa lalu.

Serbuan dilancarkan Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi JKNS hasil aduan orang ramai.

Pengarah JKNS, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman, berkata sebahagian daripada 329 jenis produk yang dirampas itu diperoleh dari luar negara dan tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Kementerian Kesihatan (KKM).

Katanya, siasatan awal mendapati produk berkenaan diiklankan untuk jualan melalui sebuah platform e-dagang terkenal dengan dakwaan ia berdaftar dengan KKM.

"Siasatan lanjut dijalankan mengikut Peraturan 7 (1)(a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Jika sabit

kesalahan, pemilik premis boleh didenda tidak melebihi RM25,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali mengikut Akta Jualan Dadah 1952," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya sentiasa berhati-hati ketika membeli produk kesihatan dan kosmetik dijual secara dalam talian dengan memastikannya mematuhi keperluan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Semakan nombor pendaftaran produk atau notifikasi kosmetik boleh dibuat dengan melayari www.npra.moh.gov.my atau menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara di talian 03-78835400.

Aduan berkaitan produk pula boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi melalui laman <http://www.pharmacy.gov.my> atau portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my> atau mana-mana cawangan Bahagian Perkhidmatan Farmasi.



JKNS merampas 329 jenis produk suplemen kesihatan yang tidak berdaftar menerusi serbuan ke atas sebuah premis perniagaan di Kajang pada Selasa lalu. (Foto ihsan JKNS)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Ujian saringan COVID-19 bakal jemaah diberi percuma

Kuala Lumpur: Ujian saringan RT-PCR COVID-19 bagi bakal jemaah haji di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) akan diberikan percuma.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata bakal jemaah yang membuat ujian saringan itu di fasiliti swasta pula perlu menanggung kosnya sendiri.

Beliau berkata, kerajaan Arab Saudi menetapkan prosedur pencegahan dan pengawalan penyakit yang ketat susulan pandemik COVID-19.

Justeru, katanya, Arab Saudi menetapkan semua jemaah haji perlu disahkan negatif COVID-19 menerusi ujian RT-PCR dalam tempoh 72 jam sebelum ketibaan di Tanah Suci.

"Dengan ini, bakal jemaah yang mendapatkan ujian pengesahan di fasiliti KKM terpilih akan menjalannya secara percuma.

"Bagi bakal jemaah haji yang memilih menjalani ujian RT-PCR COVID-19 di fasiliti kesihatan swasta, kos ujian itu perlu ditanggung sepenuhnya oleh jemaah mengikut caj yang dikenakan di fasiliti terpilih itu," katanya semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,180,415 atau 33.2 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun di negara ini sudah melengkapkan vaksinasi mereka di bawah Program Imunisasi Kanak-kanak Covid-19 Kebangsaan (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data mene-

93.7 peratus golongan remaja lengkap divaksin

rusi laman sesawang COVIDNOW, sejumlah 1,728,942 atau 48.6 peratus daripada kumpulan itu sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun pula, se-

banyak 2,914,722 atau 93.7 peratus sudah lengkap divaksin, manakala 3,011,068 atau 96.8 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Dalam pada itu, sejumlah

16,100,274 atau 68.4 peratus individu dewasa di negara ini sudah menerima suntikan dos penggalak, sebanyak 22,975,123 atau 97.6 peratus lengkap dua dos suntikan vaksin dan 23,251,598 atau 98.8 peratus menerima

sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 4,666 dos harian diberikan kelmarin meliputi 563 dos pertama, 2,557 dos kedua dan 1,546 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif pemberi-

an vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) adalah 70,947,904.

Sementara itu, Portal GitHub Kementerian Kesihatan Malaysia melaporkan dua kematian akibat Covid-19 semalam dengan masing-masing satu kes di Johor dan Melaka.

Kota Bharu

Kerajaan Kelantan mencadangkan kepada pengusaha premis berkaitan kanak-kanak seperti taska, tadika dan pusat jagaan untuk menutup premis berkenaan sekiranya merekodkan satu kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan negeri Dr Izani Husin berkata, tindakan itu sebagai langkah awal bagi mengelak wabak berkenaan daripada terus merebak sekiranya ia tidak dibendung terlebih awal.

Katanya, bagaimanapun perkara berkenaan tertakluk kepada penilaian daripada Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) untuk menga-
raikan sama ada premis yang mempunyai kes HFMD perlu ditutup atau sebaliknya.

"Jika dilihat, kes HFMD di negeri ini masih tinggi dengan jumlah kumulatif mencapai kira-kira 5,200 orang dengan hanya menunjukkan trend plato. Malah, sehingga kini sebanyak 20 taska juga ditutup yang mana 15 daripadanya kem-

Elak wabak terus merebak

Kerajaan Kelantan saran premis berkaitan kanak-kanak ditutup jika ada satu kes HFMD

bali beroperasi seperti sedia kala.

"Kita berharap masyarakat kekal menjaga kebersihan dan segera mendapatkan rawatan di hospital selain menjalini kuarantin sendiri dan tidak dibawa ke pusat asuhan sekiranya anak-anak mereka mempunyai simptom HFMD," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pecah Tanah Bangunan Hospital Baru Kota Bharu Medical Centre (KBMC), di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah JKNK Datuk Dr Zaini Hussin,

Pengerusi KBMC Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin dan Pengurus Besar KBMC Mohd Nazri Yaacob.

Bangunan hospital KBMC baharu itu yang akan dibina setinggi 12 tingkat dengan menempatkan kapasiti sebanyak 200 katil menelan belanja bernilai RM250 juta.

Sementara itu, mengulas mengenai perkembangan virus cacar monyet atau monkeypox, Dr Izani berkata, kerajaan negeri menasihatkan masyarakat un-

tuk kekal menjaga kebersihan diri dan persekitaran.

"Penyakit ini adalah penyakit haiwan kepada manusia dan manusia ke manusia, dan penyebarannya adalah melalui kontak yang dijangkiti atau pun melalui udara.

"Pencegahannya juga sama dengan prosedur operasi standard (SOP) dalam mengawal wabak Covid-19 dan penyakit-penyakit virus lain. Maknanya kalau sakit, kena kuarantin sendiri supaya kita tidak jadi penyebar kepada orang lain," katanya.

"Kes HFMD di negeri ini masih tinggi"
Dr Izani

Jumlah kumulatif kes HFMD di Kelantan mencapai kira-kira 5,200 orang dengan hanya menunjukkan trend plato.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

Ketagihan didefinisikan sebagai kebergantungan kepada sesuatu jenis bahan atau aktiviti.

Dari sudut neuropsikologi, ciri utama ketagihan adalah penggunaan berterusan bahan terabit atau penyesuaian tabiat tertentu walaupun menyedari akibat yang menjejaskan kesihatan atau kesejahteraan.

Ketagihan juga sering dikaitkan dengan tingkah laku kompulsif bagi memperoleh bahan atau terabit, tahap toleransi yang semakin meningkat dengan penggunaan dan timbulnya gejala penarikan apabila penggunaan dihentikan.

Bahan yang boleh menyebabkan ketagihan termasuk dadah terlarang (heroin, kokain), alkohol, ubat barbiturat (ubat tidur) dan nikotin dalam rokok.

Antara tabiat yang boleh menimbulkan masalah ketagihan pula termasuk penggunaan media sosial, membeli-belah dan pemakanan.

Selain itu, nikotin yang disedut melalui asap rokok adalah punca utama ketagihan dalam kalangan perokok tegar.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 mendapati prevalens merokok di Malaysia adalah sebanyak 21.3 peratus.

Dalam otak manusia, nikotin merangsang reseptor sehingga membebaskan sebatian dopamin.

Dopamin melatih otak kita agar mengulangi tingkah laku pengambilan (iaitu pengulangan tingkah laku) sehingga akhirnya menimbulkan kebergantungan.

Baru-baru ini, Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin mengumumkan akan memperkenalkan akta baharu bagi melarang aktiviti merokok dan pemilihan sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik (vape) terhadap generasi muda yang lahir selepas 2005.

Polisi itu juga dikenali sebagai *Generational End Game* (Generasi Penamat, GEG).

Langkah itu diambil bagi mengurangkan pendedahan generasi akan datang kepada rokok dan produk tembakau kerana pengambilannya adalah faktor utama kanser dan menyumbang 22 peratus kematian akibat kanser.

Profesor Psikiatri Ketua Sekolah Klinik, MAHSA University Prof Dr Mohamad Hussain Habbil berpendapat dalam konteks kesihatan awam, intipati konsep *End Game* adalah ia diamalkan dengan pengujian sesuatu turutan langkah bagi mempercepatkan pencapaian matlamat. Mungkin ada dalam ka-

IMPLIKASI TERHADAP PEROKOK DARI SUDUT KETAGIHAN

Larangan generasi muda merokok



KERAJAAN perlu mencari alternatif pengambilan tembakau seperti kaedah rokok elektronik atau *smokeless cigarette*.



DR Mohamad Hussain

langan kalian yang pernah dengar strategi *Polio End Game 2019-2023* yang memablitkan langkah terakhir bagi membasmi wabak polio ke arah masa depan bebas penyakit polio.

Dalam konteks prevalens merokok yang tinggi di Malaysia, timbul keraguan polisi larangan produk tembakau dalam bentuk GEG seperti diumumkan oleh Khairy ini adalah tepat masanya.

Adakah kerajaan sudah memaksimumkan kesemua inisiatif kawalan tembakau di negara kita? Adakah kempen kesedaran kemudaratkan merokok berkesan dilaksanakan sebagai kaedah pengajaran generasi muda di Malaysia?

Paling kritikal, dengan pembekalan rokok haram antara tertinggi di dunia, remaja yang sudah memula-

kan tabiat merokok akan beralih kepada pasaran produk haram pula.

Selain itu, akta baharu GEG tidak akan mencegah perokok dewasa sebagai perantara yang membekalkan produk tembakau kepada generasi muda.

Selain itu, akan timbul kaedah lebih kreatif dalam perdagangan produk tembakau selepas ini, misalnya perdagangan rokok oleh perantara daripada generasi dewasa.

Justeru, setiap polisi peruluhan bersandarkan kajian saintifik dan aktiviti terabit perlu dilakukan setiap masa bagi menentukan keberkesanan polisi terabit.

Misalnya, *harm reduction* atau pengurangan kemudaratkan atas bahan tembakau yang sedang rancak dijalankan untuk mencegah perokok dari terus merokok.

Program seperti ini boleh dijadikan sebagai kajian penting bagi menentukan polisi *end game* benar-benar mencapai sasaran.

Mengambil contoh negara New Zealand, program kawalan tembakau bermula sejak 1984 dengan pelbagai strategi diperkenalkan bagi mengawal permintaan (demand) dalam kalangan ra-

kyat.

Strategi ini adalah antara yang paling ketat di dunia termasuk peningkatan harga runcit rokok dan penyeragaman bungkusan pek rokok.

Selain itu, kerajaan New Zealand giat mendidik orang awam terutamanya kaum muda mengenai kemudaratkan merokok melalui kempen seperti *Smoking Not Our Future* dan *Stop Before You Start*.

Kesannya, kadar perokok dewasa di negara itu berkurang daripada kira-kira 30 peratus pada 1984 kepada hanya 13 peratus pada 2019. Kadar perokok remaja pada setiap tahun pula hanya sekadar lima peratus.

Berdasarkan tren penurunan berterusan kadar perokok, barulah kerajaan New Zealand melancarkan pelan *Smokefree 2025* ke arah matlamat penurunan kadar perokok kepada lima peratus atau kurang menjelang tahun 2025.

Berbeza dengan pelan GEG Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang sekali gus menyekat segala penggunaan produk tembakau dalam kalangan golongan muda yang lahir selepas 1 Januari 2005, wawasanya GEG di New Zealand akan dilaksanakan

melalui beberapa tahap. Tahap-tahap ini berkaitan pengurangan bekalan (penjualan rokok), pengurangan ketagihan rokok bernikotin. Manakala tahap terakhir barulah merangkumi promosi *Smokefree Generation* bermula tahun 2027.

Selain itu, pelan KKM turut tidak akan membenarkan kesemua jenis produk tembakau rokok, vape dan lain-lain.

Tetapi New Zealand membenarkan penggunaan berterusan produk alternatif seperti vape yang diakui lebih selamat berbanding rokok.

Ini kerana vape tidak membabitkan pembakaran tembakau yang membebaskan bahan kimia yang menyebabkan penyakit jantung, paru-paru dan kanser kepada perokok.

Kerajaan New Zealand juga mengakui kenyataan bahawa walaupun nikotin boleh menyebabkan ketagihan, bahan toksik yang dibebaskan akibat pembakaran rokok adalah penyebab pelbagai penyakit.

Seperkerua lagi, larangan menyeluruh di Malaysia mungkin susah dilaksanakan secara praktik kerana kadar rokok haram di negara ini jauh lebih tinggi berbanding negara seperti New Zealand.

Kita sering baca berita membabitkan serbuan dan tangkapan pihak berkuasa

berkaitan rokok haram.

Walaupun kerajaan Malaysia tidak membenarkan penjualan rokok kepada golongan muda bermula tahun hadapan (2023), pasaran gelap akan terus membekal kepada golongan tersebut.

Cabaran utama dalam kalangan penagih adalah pemberhentian mutlak bahan atau aktiviti ketagihan. Tambahan pula, golongan muda masa kini pantang 'diarah' melakukan atau menghindari sesuatu perbuatan.

Justeru, kerajaan harus menumpukan perhatian ke arah pendidikan berterusan generasi muda supaya mereka sedar dan pilih gaya hidup ke arah kesihatan mental dan fizikal yang optimum.

Untuk mencapai tujuan ini, kita juga perlu mencari alternatif pengambilan tembakau seperti kaedah rokok elektronik atau *smokeless cigarette* yang sudah pun berada di pasaran bagi menggantikan rokok konvensional.

Kementerian perlu memberi sokongan untuk saintis dan akademik menjalankan kajian penggunaan bahan tersebut yang boleh menguraikan beberapa isu seperti keberkesanannya mengurangkan masalah kesihatan, mengurangkan kebergantungan atau pengurangan dan menjadi pemangkin agar penagih rokok akhirnya berhenti merokok.

Nikotin menyebabkan ketagihan tetapi bukan faktor utama penyakit berkaitan rokok

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 28

RUANGAN : LOKAL



PENGUAT KUASA CPF JKNS mengeledah premis produk makanan kesihatan dalam serbuan Selasa lalu.

JKNS rampas 329 jenis produk makanan kesihatan tak berdaftar

Shah Alam: Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) merampas 329 jenis produk makanan kesihatan tidak berdaftar bernilai RM295,000 pada serbuan di sebuah premis perniagaan di Kajang dekat sini, Selasa lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Sha'ari Ngadiman berkata, serbuan dilaksanakan Cawangan Penguatkuasaan, Bahagian Perkhidmatan Farmasi (CPF JKNS) hasil aduan orang ramai.

"Pemeriksaan mendapati, sebahagian daripada produk

itu diperoleh dari luar negara dan ia tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dada (PBKD) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Produk terbabit sudah diiklankan melalui sebuah platform e-dagang terkenal di negara ini dengan tuntutan palsu kononnya ia berdaftar dengan KKM," katanya pada kenyataan semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Peraturan 7 (1) (a) Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984, sabit kesalahan, pe-

milik premis itu boleh didenda tidak lebih RM25,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali mengikut Akta Jualan Dadah 1952.

Kata beliau, JKNS turut menasihati orang ramai supaya sentiasa berhati-hati sewaktu membeli apa-apa produk kesihatan dan kosmetik yang dijual secara dalam talian.

"Orang ramai perlu memastikan produk kesihatan dan kosmetik yang dibeli di pasaran mematuhi keperluan undang-undang yang

dikuatkuasakan.

"Semakan kesahihan nombor pendaftaran produk atau notifikasi kosmetik boleh diperolehi di www.npra.moh.gov.my atau dengan menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara di talian 03-78835400," katanya.

Aduan berkaitan produk boleh disalurkan kepada Program Perkhidmatan Farmasi di <http://www.pharmacy.gov.my>, melalui Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di <http://moh.spab.gov.my> atau mana-mana CPF.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Melibatkan pengesanan Covid-19 yang dilaksanakan di fasiliti KKM

Ujian RT-PCR percuma jemaah haji

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) bersetuju agar ujian pengesanan Covid-19 RT-PCR bagi jemaah haji Malaysia musim 1443H/2022M yang dilakukan di fasiliti KKM akan dilaksanakan secara percuma.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, kerajaan Arab Saudi pada tahun ini telah memperuntukkan kuota haji sebanyak 14,306 orang jemaah haji kepada Malaysia.

Beliau berkata, bagi memastikan operasi haji dilaksanakan dengan selamat dan lancar, kerajaan Arab Saudi telah menetapkan prosedur pencegahan dan pengawalan penyakit yang ketat susulan daripada pandemik Covid-19.

"Dalam hal ini, kerajaan Arab Saudi telah menetapkan bahawa semua jemaah haji perlu disahkan negatif Covid-19 menerusi ujian pengesanan RT-PCR dalam tempoh 72 jam sebelum ketibaan di Tanah Suci.

"Oleh yang demikian, KKM telah bersetuju agar ujian penge-

san Covid-19 bagi jemaah haji Malaysia yang dilakukan di fasiliti KKM dikecualikan daripada bayaran dan dilaksanakan secara percuma," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, jemaah haji yang memilih untuk menjalani ujian pengesanan Covid-19 di fasiliti kesihatan swasta, kos ujian tersebut perlu ditanggung sepenuhnya oleh jemaah tersebut mengikut caj yang dikenakan oleh fasiliti kesihatan swasta yang dipilih.

"Jemaah haji boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Pejabat Tabung Haji Daerah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan perkara ini termasuklah senarai fasiliti kesihatan KKM yang menyediakan perkhidmatan ujian RT-PCR ini," tambahnya.

Seramai 14,306 jemaah haji Malaysia akan mula diterbangkan ke Arab Saudi bermula esok menaiki penerbangan Saudia Airlines (Saudia) dan Malaysia Airlines.



JEMAAH haji yang ingin ke Mekah boleh membuat ujian pengesanan RT-PCR secara percuma di fasiliti di bawah KKM. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

Jemaah haji buat ujian Covid-19 di fasiliti UKM dikecualikan bayaran

PUTRAJAYA - Ujian pengesanan Covid-19 tindak balas berantai polimerase (RT-PCR) bagi jemaah haji Malaysia yang dilakukan di fasiliti Kementerian Kesihatan (KKM) adalah dikecualikan daripada bayaran, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

"Dilaksanakan secara percuma," katanya mengumumkan perkara tersebut dalam satu kenyataan pada Khamis.

Khairy berkata, jemaah haji boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah atau Pejabat Tabung Haji Daerah untuk mendapatkan maklumat lanjut termasuk senarai fasiliti kesihatan KKM yang menyediakan per-



KHAIRY

khidmatan ujian pengesanan Covid-19 RT-PCR.

"Bagi jemaah haji yang memilih untuk menjalani ujian pengesanan Covid-19 di fasiliti kesihatan swasta, kos ujian itu perlu ditanggung sepenuhnya oleh jemaah tersebut mengikut caj yang dikenakan oleh fasiliti kesihatan swasta yang dipilih," katanya.

Kerajaan Arab Saudi memperuntukkan kuota haji sebanyak 14,306 orang jemaah haji kepada Malaysia pada tahun ini.

Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan bahawa semua jemaah haji perlu disahkan negatif Covid-19 menerusi ujian pengesanan RT-PCR dalam tempoh 72 jam sebelum ketibaan di Tanah Suci. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NASIONAL

Kos vaksin Covid-19 pasaran swasta merangkumi caj ditetapkan hospital

SHAH ALAM - Kos vaksinasi Covid-19 dalam pasaran swasta merangkumi caj-
caj yang ditetapkan sendiri oleh pengamal
perubatan dan hospital swasta yang
terlibat.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk
Dr Noor Azmi Ghazali berkata, ia ter-
masuk fi konsultasi dalam jadual ketujuh
di bawah Akta Kemudahan dan
Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta
1996 [Akta 586] dan Caj Perkhidmatan.

"Selain itu, turut diambil kira, Caj
Barangan Pakai Buang (Consumables)
yang digunakan ketika mengendalikan
suntikan vaksin Covid-19.

"Harga runcit maksimum ditetapkan
sebelum ini tidak termasuk kos peng-
endalian perkhidmatan vaksinasi Covid-19.

"Oleh itu, kos akhir yang perlu dibayar
oleh pengguna adalah merangkumi kos
vaksin Covid-19 iaitu harga runcit mak-
simum yang ditetapkan, fi konsultasi dan
kos pengendalian perkhidmatan vaksi-
nasi iaitu Caj Perkhidmatan dan Caj
Barangan Pakai Buang," katanya dalam
kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, beliau berkata,
merujuk Perintah P.U.(A)10/2022 bertarikh
15 Januari 2022 dan pindaan pada 20
Mei 2022, harga maksimum per dos yang

ditetapkan bagi dua produk vaksin yang
berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawa-
lan Dadah dan boleh dipasarkan dalam
pasaran swasta adalah RM62 dan RM77
masing-masing untuk borong dan runcit.

"Dua vaksin itu adalah jenis Corona-
Vac Suspension for Injection SARCoV2
Vaccine (Vero Cell), Inactivated dengan
nombor pendaftaran MAL21036010ARZ
dan MAL21046125ACSZ.

"Harga yang sama dikenakan terha-
dap 'COVIL0 Suspension for Injection
Covid-19 Vaccine (Vero Cell), Inactivated
dengan nombor pendaftaran
MAL21076098AZ," jelas beliau.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

MONKEYPOX ALERT

Kedah steps up disease control precautions

PENDANG: The Kedah government is stepping up precautions at state entry points over the threat of monkeypox spreading worldwide.

State Health and Local Government Committee chairman Datuk Dr Mohd Hayati Othman said this included carrying out blood tests on high-risk travellers.

However, he said, up to yesterday, there was no report of infected individuals entering the state.

"This disease was detected in Africa before spreading to several countries in Europe.

"The countries have surely activated their disease control protocols and even in our country, we have our protocols.

"If we receive any report on travellers infected by the disease leaving their countries, we will carry out health screenings on them, including blood tests to detect monkeypox," he said after opening the state Local Government Sports Tournament 2022 at Dewan Cenderawasih here yesterday.

On Wednesday, Thai media reported the country's first case of monkeypox, which involved a traveller from Europe, who transited for two hours at one of Bangkok's international airports while en route to Australia.

Dr Hayati advised Kedahans travelling for haj to be extra cautious.

"We wish to advise our pilgrims to avoid physical contact with those from other countries as pilgrims from all over the world will converge on Saudi Arabia to perform the haj."

On the hand, foot and mouth disease (HFMD), Dr Hayati said infections in Kedah were still under control, despite the increasing number of cases.

"Only a small number of children infected by HFMD have been hospitalised. HFMD is not as serious as Covid-19.

"Children infected by HFMD are required to be placed under quarantine and normally, they will recover."



Datuk Dr Mohd Hayati Othman

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION/NEWS

1.1 MILLION KIDS FULLY VACCINATED

TERENGGANU, KELANTAN LOG LOW CHILD COVID JAB RATES

Less than 10pc of children in both states have received vaccine, data shows

KUALA LUMPUR

CHILD vaccination rates in Terengganu and Kelantan are still low, at below 10 per cent, said CovidNow data.

Terengganu's vaccination rate for children was at 9.9 per cent while Kelantan's was 7.3 per cent. Labuan had the highest child vaccination rate at 21.8 per cent, while at least 20 per cent of children in Sarawak and Melaka were vaccinated.

A total of 1,180,415 children, or 33.2 per cent of those aged 5 to 11, had been fully vaccinated against Covid-19.

Data showed that more than 48 per cent of children had at least one dose of the vaccine.

On Wednesday, 2,067 children received their second dose while 364 had their first dose.

Also, 68.4 per cent of adults, or 16,100,274 people, had received their booster shots up to Wednesday.



Children waiting to get their Covid-19 vaccination in Kuala Nerus, Terengganu, on Tuesday. BERNAMA PIC

Meanwhile, Malaysia recorded 1,809 new cases and two deaths on Wednesday.

A total of 4,508,319 Covid-19 cases have been recorded since the pandemic struck, while

35,678 people had died from the infection.

A total of 1,911 people had recovered on Wednesday, bringing the tally to 4,449,593.

The number of active cases

stood at 23,048.

Some 440 Covid-19 patients were admitted on Wednesday, while 12.4 per cent of designated bed were used, with 26 ICU beds occupied.



Khairy Jamaluddin

Free RT-PCR Covid tests for pilgrims

KUALA LUMPUR: Haj pilgrims are eligible for free RT-PCR Covid-19 tests prior to their departure to Saudi Arabia.

Health Minister Khairy Jamaluddin said pilgrims could contact their district health or Tabung Haji district offices to obtain details, including a list of health facilities that provided this service.

He said pilgrims who chose to do the RT-PCR test in private health facilities would have to bear the cost themselves.

The Saudi government said pilgrims needed to test negative for Covid-19 72 hours before they arrived in the kingdom.

NON-COMMUNICABLE DISEASES

Socso resumes health screenings with SEHATi app

KUALA LUMPUR: The Social Security Organisation (Socso) has resumed its Health Screening Programme (HSP) to foster awareness, early detection and prevention of non-communicable diseases (NCDs).

The programme, which resumed on Wednesday, was introduced in 2013 but was suspended from April 1, 2020, to May 31 this year.

Socso yesterday said the reimplementation of the programme was also to reduce the risk of disability and early death among contributors.

It said HSP would now use SEHATi, a digital platform accessible via a mobile application, for employee use, and via an online portal for service panel use, such as clinics, laboratories and mam-

mogram centres.

"These programmes are offered to employees who contribute to Socso's Disability Scheme aged 40 and above, with citizenship status, as well as employees between 30 and 39 who have health risks. Our contributors can download the SEHATi application to check their eligibility before registering for HSP.

"They can also use other health-related functions, such as flexible health screening management function, including making an appointment with panel clinics or access screening test results."

Socso said the application allowed employees to record their health data for self-health monitoring.

"The HSP service panel can use

the SEHATi Portal to enjoy better health screening management facilities under HSP.

"This includes the management of health screening appointments and online advisory services, and the management of more systematic health screening records."

HSP service panels were encouraged to make the transition from the SEHAT Portal to the SEHATi Portal, it said.

"The service panel needs to only obtain the access code by logging into the SEHAT Portal and follow instructions for the transition to the SEHATi Portal."

Socso contributors can log on to <https://sehati.perkeso.gov.my>, contact hsp@perkeso.gov.my or the HSP Hotline at 03-42645089 for information.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION



Free Covid-19 tests for haj pilgrims

PUTRAJAYA: The Covid-19 RT-PCR tests for Malaysian haj pilgrims conducted at Health Ministry's facilities will be free of charge, says Health Minister Khairy Jamaluddin (*pic*).

"Pilgrims can contact the district health office or district Tabung Haji office for more information, including the list of facilities that provide the RT-PCR tests.

"Pilgrims who choose to undergo the screening test at private health facilities would have to bear the cost themselves," he said in a statement.

The Saudi Arabia government has stipulated that all pilgrims are required to have a negative result of the Covid-19 swab test within 72 hours prior to their arrival in the Holy Land.

A total of 14,306 Malaysians will perform the haj this year and only those aged 65 and below, with no chronic illness, in possession of the Covid-19 vaccination certificate are eligible.

The first flight of Malaysian pilgrims is expected to depart tomorrow.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

1.18m children fully vaccinated

KUALA LUMPUR: A total of 1,180,415 children aged five to 11 or 33.2% of the age group have completed their vaccination under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children as of Wednesday.

According to the CovidNOW portal, a total of 1,728,942 children or 48.6% have received at least one dose of the vaccine.

For teenagers aged 12 to 17, 2,914,722 or 93.7% have completed their vaccination, while 3,011,068 or 96.8% have received at least one vaccine dose.

As for the adult population, 16,100,274 or 68.4% have received their booster dose, while 22,975,123 or 97.6% have completed two doses. A total of 23,251,598 or 98.8% have received at least one dose.

On Wednesday, a total of 4,666 vaccine doses were dispensed, of which 563 were first doses, 2,557 second doses and 1,546 booster doses, bringing the cumulative number of doses administered under the National Covid-19 Immunisation Programme to 70,947,904.

Meanwhile, the Health Ministry GitHub portal reported two deaths – one each in Johor and Malacca. – Bernama